

PELAKSANAAN PEMBANGUNAN BERTERASKAN ISLAM: KAJIAN KES KOMUNITI ISLAM BAN NUA, HATYAI, THAILAND

Dr. Mohd Shukri Hanapi

Universiti Sains Malaysia
hshukeri@yahoo.com ; hshukri@usm.my

ABSTRACT

The Ban Nua Muslim community is a Muslim community that is smack in the middle of the non-Muslim community (Buddhist) in Hatyai, Thailand. Although they are a small community and are in such a predicament, they are still able to implement Islamic-based development (IBD). In other words, they are able to develop an Islamic community complete with numerous infrastructures such as a mosque, not only as a place for prayer but it has a clinic, a library, a conference hall, a cooperative and a Zakat Centre (*Baitul Zakat*). Besides that, this Islamic community has a school that adheres to the Islamic education system. They not only have worked hard to develop the physical aspects but also the spiritual aspects. The physical aspects were developed through general religious servitude such as employment, seeking knowledge, stimulating the community's economy, business and homestay services, while the spiritual aspects were developed through specific religious servitudes such as prayers, fasting, running the Zakat Centre, reciting the al-Qur'an, devotional recitations (*zikr*) and giving alms (*sadaqah*). The question is what *tasawwur* (worldview) was used to design their development? and how was the *tasawwur* formed? To answer both these questions, this article has two objectives. First, to identify the *tasawwur* that has designed the development of the Ban Nua Islamic community; and second, to analyse the developmental worldview of the Ban Nua Islamic community. The findings from the qualitative research had found that the development of the Ban Nua Islamic community in Hatyai, Thailand was designed according to *al-tasawwur al-Islamiy* (Islamic worldview). It has three main elements such as *ibadah* (religious servitude), *imarah* (general or social leadership) and *khalifah* (religious leadership). Based on this *tasawwur* the development of the Ban Nua Islamic community in Hatyai, Thailand was implemented.

Key words: *Islamic Based Development, Ban Nua, Islamic Community*

1. PENDAHULUAN

Ban Nua merupakan sebuah perkampungan kecil yang terletak di Utara Hatyai, Thailand. Majoriti penduduknya iaitu sebanyak 95% adalah beragama Islam. Kebanyakan daripada mereka ialah nelayan, petani dan peniaga (Wafdi Auni Mohamed, 2012:4). Di sekeliling mereka pula, terdapat majoriti penganut agama Buddha, malah mereka berada di bawah pemerintahan orang bukan Islam.

Meskipun begitu, di bawah kepimpinan Tabrani Lateh (Wisoot Lateh), iaitu sejak tahun 1997 mereka berusaha melaksanakan, memperkasakan dan melestarikan pembangunan daripada akar-umbi (*grassroots*). Secara lebih jelas lagi, komuniti Islam Ban Nua ini telah berjaya membangunkan perkampungan mereka secara berdikari dari bawah ke atas (*bottom-up*), bermula dari peringkat akar-umbi. Kini perkampungan mereka telah memiliki sebuah masjid, sekolah, koperasi, Baitul Zakat, klinik, perpustakaan, perkhidmatan *homestay*, perniagaan hartanah, dan sebagainya. Ramai juga daripada ahli komunitinya bekerja sepenuh masa dengan organisasi-organisasi perkampungan tersebut (Temu bual Tabrani Lateh, 9 November 2013).

Berasaskan kejayaan pembangunan yang dikecapi oleh komuniti Islam Ban Nua ini, maka sudah pasti ia dicorakkan oleh sesuatu tasawur. Persoalannya, apakah tasawur yang mencorakkan pembangunan mereka? Bagaimanakah tasawur pembangunan mereka itu terbentuk? Untuk menjawab kedua-dua persoalan ini, artikel ini mempunyai dua objektif utama. Pertama, mengenal pasti tasawur yang mencorakkan pembangunan komuniti Islam Ban Nua; dan kedua, menganalisis tasawur pembangunan komuniti Islam Ban Nua itu.

Untuk mencapai kedua-dua objektif, kajian kualitatif ini melibatkan kedua-dua jenis data iaitu data primer dan sekunder. Data primer diperoleh melalui ucapan yang disampaikan oleh Tabrani Lateh (Imam Masjid Ban Nua dan Ketua Komuniti Islam Ban Nua) dan temu bual tidak berstruktur dengan beliau. Manakala data sekunder pula diperoleh melalui kajian perpustakaan. Kesemua data ini dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Secara umumnya, hasil penganalisan ini dibahagikan kepada empat bahagian utama. Pertama, membincangkan latar belakang pembangunan komuniti Islam Ban Nua; kedua, membincangkan justifikasi pemilihan komuniti Islam Ban Nua sebagai kes kajian; ketiga, membincangkan tasawur pembangunan komuniti Islam Ban Nua; dan keempat, analisis dan perbincangan.

2. LATAR BELAKANG PEMBANGUNAN KOMUNITI ISLAM BAN NUA

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini bahawa Ban Nua merupakan sebuah perkampungan komuniti Muslim. Ia mula diterokai dan dibangunkan oleh Ismail Lateh. Beliau merupakan imam pertama Kampung Ban Nua. Dengan pegangan agama yang kuat, beliau berusaha berdakwah untuk membetulkan amalan keagamaan dalam komuniti Islam Ban Nua (Temu bual Tabrani Lateh, 9 November 2013).

Pada masa itu, pengetahuan agama Islam dalam kalangan komuniti Islam Ban Nua tidak mendalam. Mereka hanya memberi komitmen terhadap pelaksanaan solat sahaja tanpa berusaha memahami ibadah-ibadah khusus yang lain. Komuniti Islam Ban Nua juga dikatakan mengamalkan ibadah secara individu seperti menunaikan solat secara bersendirian di rumah masing-masing. Oleh itu, antara usaha dakwah Imam Ismail Lateh yang utama adalah membina sebuah masjid untuk tujuan beribadah dan sebagai tempat musyawarah

penduduk Ban Nua. Menurut Wafdi Auni Mohamed (2012:74), Imam Ismail Lateh menumpukan dakwahnya kepada pembinaan kefahaman asas Islam iaitu Rukun Iman dan Rukun Islam. Selain aspek akidah, solat berjemaah sangat ditekankan kepada semua komuniti Islam Ban Nua. Walaupun terpaksa mengambil masa yang lama untuk menjelaskan kepentingan solat berjemaah itu, kefahaman tentang kepentingan solat berjemaah, akhirnya diterima oleh komuniti Islam Ban Nua dan mereka menjadikannya sebagai amalan utama.

Setelah berjaya memberi kefahaman tentang solat kepada komuniti Islam Ban Nua, beliau menumpukan pula usaha dakwahnya untuk menyampaikan kefahaman tentang kewajipan ibadah zakat. Ketika itu, kebanyakan komuniti Islam Ban Nua tidak memahami bahawa membayar zakat merupakan kewajipan yang dituntut terhadap individu Muslim. Meskipun ada yang memahaminya, namun mereka hanya mengeluarkan zakat dengan mengagihkannya kepada saudara mara terdekat, bukan kepada golongan asnaf yang berhak menerimanya. Di sinilah Imam Ismail Lateh berusaha mengubah pemikiran dan kefahaman komuniti Islam Ban Nua agar ia selari dengan syariat Islam. Beliau berusaha memberi kesedaran kepada komuniti Islam Ban Nua tentang kewajipan mengeluarkan zakat dan kaedah pengagihan yang betul. Walaupun berjaya mendidik komuniti Islam Ban Nua dengan kefahaman yang betul, namun sebahagian besar daripada mereka enggan menerimanya kerana menganggap perkara yang disampaikan oleh Imam Ismail Lateh itu suatu perkara baharu yang cuba menggugat amalan tradisi komuniti Islam Ban Nua selama ini (Wafdi Auni Mohamed, 2012:74).

Ekoran daripada itu, Imam Ismail Lateh mendapat tentangan hebat daripada penduduk kampung. Antara tentangan yang diterimanya seperti tidak lagi datang solat secara berjemaah di masjid, memulaukan kelas pengajiannya, dan melemparkan pelbagai tohmahan. Dengan tentangan yang dihadapi itu, akhirnya beliau gagal mengubah pandangan komuniti Islam Ban Nua tentang ibadah zakat sehinggalah tugas dakwah tersebut diambil alih oleh cucunya iaitu Tabrani@Wisoot Lateh yang merupakan generasi ketiga 'Bin Lateh'. Tabrani Lateh ini merupakan seorang lulusan Ijazah Sarjana Muda (B.A Hons) dari Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir. Kemudian beliau melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana (M.A) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan seterusnya mendapat Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dari Universiti Thaksin, Thailand. Kini, beliau dilantik menjadi Imam Besar Masjid Ban Nua. Di samping itu, dengan ketinggian ilmu beliau juga diberi dua tanggungjawab lain. Pertama, sebagai Ketua Bahagian Akademik dan Hal Ehwal Luar Negeri, Majlis Agama Islam Wilayah Songkhla; dan kedua, sebagai Pengarah, Pejabat Syeikhul Islam (Mufti) dan Pusat Penyelarasan Hal Ehwal Agama Islam Wilayah Selatan Thailand (Temu bual Tabrani Lateh, 9 November 2013).

Usaha yang menyeluruh telah dilakukan oleh Imam Tabrani Lateh untuk membangunkan komuniti Islam Ban Nua ini. Pembangunan komuniti Islam Ban Nua mula digerakkan pada tahun 1997 sebaik sahaja beliau menamatkan pengajian Ijazah Sarjana di UIAM. Pendekatan pembangunan yang diguna pakai beliau ialah pendekatan bawah ke atas (*bottom up approach*) (Wafdi Auni Mohamed, 2012:74). Melalui pendekatan ini, rancangan pembangunan komuniti Islam Ban Nua berjaya dilaksanakan kerana ia bermula daripada akar-umbi sebelum berkembang dan membangun.

Usaha yang dilakukan oleh Imam Tabrani Lateh ini memberi kesan yang positif dalam pembangunan komuniti Islam Ban Nua. Beliau berjaya mengubah pemikiran dan kefahaman komuniti Islam Ban Nua tentang agama Islam; ibadah solat dan zakat dijadikan sebagai asas

pembangunan; membina sekolah yang menggunakan sistem pendidikan Islam; masjid menjadi pusat bagi segala aktiviti kemasyarakatan; dan menubuhkan koperasi masjid yang berfungsi sebagai institusi kewangan Islam. Berhubung kepentingan penubuhan koperasi Masjid Ban Nua ini, Imam Tabrani Lateh menyatakan:

“Idea untuk menubuhkan koperasi Masjid Ban Nua ini tercetus sewaktu saya masih menuntut di universiti lagi. Saya sedar bahawa Islam tidak sempurna sekiranya ekonomi masyarakat lemah yang menyebabkan masyarakat akan bergantung kepada sistem ekonomi seperti kapitalisme, komunisme dan sistem-sistem ekonomi lain yang bertentangan dengan sistem ekonomi Islam. Oleh itu, sewaktu saya mula dilantik menjadi Imam Masjid Ban Nua, saya menyampaikan ceramah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa perlunya hidup secara berjemaah dalam pengurusan harta benda, bukan sahaja berjemaah dalam ibadah solat. Hal ini kerana berjemaah boleh menguatkan masyarakat. Kalau berjemaah dalam solat sahaja, tetapi tidak bekerjasama dalam harta benda, maka sudah tentu masyarakat akan mudah terlibat dengan kegiatan ekonomi berasaskan riba. Kegiatan ekonomi berasaskan riba akan merosakkan masyarakat. Maka dengan itu pada tahun 2004, saya mengasaskan koperasi Masjid Ban Nua yang menjalankan operasi kewangan secara Islam.” (Temu bual Tabrani Lateh, 9 November 2013).

3. JUSTIFIKASI PEMILIHAN KOMUNITI ISLAM BAN NUA

Komuniti Islam Ban Nua, Hatyai, Thailand dipilih sebagai kes kajian kerana mereka merupakan komuniti minoriti yang berada di tengah-tengah kelompok masyarakat Buddha. Bukan setakat itu, malah mereka berada di bawah pemerintahan kerajaan bukan Islam. Meskipun begitu, mereka telah cuba membangunkan perkampungan mereka berasaskan pengetahuan tempatan dan kedinamikan kepercayaan agama mereka sendiri. Bermula dengan merealisasikan ayat al-Qur’an yang memerintahkan supaya bersolat dan membayar zakat (al-Baqarah, 2:43), komuniti Islam Ban Nua ini telah melaksanakan pelbagai pembangunan seperti masjid, sekolah, koperasi, Baitul Zakat, klinik, perpustakaan, perkhidmatan *homestay*, perniagaan hartanah, dan sebagainya secara Islam. (Tabrani Lateh, 2012 & 2013)

Menurut Tabrani Lateh (2012 & 2013), Masjid Ban Nua dijadikan sebagai pusat pembangunan yang menyeluruh dan menjalankan pelbagai aktiviti berbentuk fizikal dan spiritual. Menurut beliau lagi, masjid merupakan tunjang kepada penubuhan koperasi yang berfungsi menguruskan dan melaksanakan sistem muamalat secara Islam sehingga tertubuhnya koperasi masjid yang dijadikan sebagai institusi kewangan dan perbankan Islam. Meskipun kajian ini tidak memfokuskan institusi masjid, namun ia turut dibincang kerana pembangunan komuniti Islam Ban Nua menjadikan masjid sebagai pusat bagi menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan ekonomi. Dalam perkataan lain, masjid sebagai institusi terpenting bagi komuniti Islam Ban Nua yang mempunyai kapasiti sebanyak 372 buah rumah. Dengan berpusatkan institusi masjid mereka sama-sama membangunkan Kampung Ban Nua.

Oleh sebab menariknya usaha pembangunan komuniti Islam Ban Nua ini, maka ia mendapat pengiktirafan daripada Kerajaan Thailand. Pengiktirafan Kerajaan Thailand ini sebenarnya lebih tertumpu kepada aspek pembangunan sosio ekonomi Ban Nua (Wafdi Auni Mohamed, 2012:4). Selain itu, Ban Nua telah diiktiraf sebagai kampung contoh dan menjadi tempat rujukan perkampungan lain dalam membangunkan sesebuah kampung dan komuniti, terutamanya perkampungan dan komuniti Islam dari daerah Hatyai sendiri dan dari beberapa daerah lain di selatan Thailand seperti Pattani, Yala, dan Narathiwat. Sebenarnya, perkampungan Ban Nua bukan sahaja menarik minat komuniti Islam, bahkan komuniti Buddha juga sering berkunjung ke Ban Nua.

Selain menjadi tumpuan masyarakat dalam Negara (Thailand), perkampungan Ban Nua juga sering dikunjungi oleh ahli-ahli akademik seperti para pensyarah dari Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), para pensyarah dari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Raja Manggala Universiti of Technology Srivijaya; pelajar universiti seperti Pelajar Ijazah Sarjana Pengurusan Pembangunan Islam (MISDEV 11, 12 & 13) dan Pelajar Pusat Bahasa Antarabangsa (CIL), UniMAP dan juga agensi-agensi institusi pembangunan Islam dari luar negara Thailand terutamanya dari Malaysia, seperti *Majlis Agama Islam* dan Adat Istiadat Melayu *Perlis (MAIPs)*. (*Temu bual Tabrani Lateh*, 9 November 2013).

4. TASAWUR PEMBANGUNAN KOMUNITI ISLAM BAN NUA

Menurut Tabrani Lateh (2012 & 2013), komuniti Islam Ban Nua cuba melaksanakan pembangunan yang bermula dari akar-umbi. Secara lebih jelas lagi, komuniti Islam Ban Nua dibangunkan berasaskan tiga elemen utama, iaitu:

Pertama, elemen ibadah. Ia berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan tujuan mereka menyembah dan beribadah kepada-Ku (al-Zariyat, 51:56).

Dalam usaha merealisasikan elemen ibadah dalam pembangunan komuniti Islam Ban Nua ini, ibadah solat dan ibadah zakat dijadikan sebagai asas (al-Baqarah, 2:43). Melalui ibadah solat, kecergasan dan kesihatan tubuh badan seseorang insan dapat dibentuk sebagai hasil daripada pergerakan jasmani yang teratur serta pengurusan masa yang baik. Manakala zikir-zikir dan doa-doanya amat baik untuk melatih jiwa serta melembutkan emosi. Hal ini ditambah pula dengan bacaan dalam solat yang dapat membukakan minda dengan ilmu pengetahuan yang tinggi. Melalui latihan-latihan tersebut, terbentuklah komuniti Islam Ban Nua yang berdisiplin, tekun, sihat tubuh badan, lemah lembut perasaan, dan cerdas. Dengan ini, komuniti Islam Ban Nua dengan mudah dapat merealisasikan Islam dalam aspek koperasi, pendidikan, perniagaan, perkhidmatan *homestay* dan sebagainya.

Jika ibadah solat itu dapat membentuk komuniti Islam Ban Nua yang berdisiplin, tekun, sihat tubuh badan, lemah-lembut perasaan, dan cerdas, maka ibadah zakat pula dapat mendidik komuniti Islam Ban Nua supaya tidak terlalu mencintai harta sehingga mengabaikan nasib golongan yang tidak bernasib baik. Justeru, komuniti Islam Ban Nua dilihat bekerja kuat demi untuk menjadi pembayar zakat. Dalam perkataan lain, mereka seboleh-bolehnya mahu elakkan diri daripada menjadi penerima zakat. Melalui dana kutipan zakat, komuniti Islam Ban Nua dapat menyediakan pelbagai prasarana dan kemudahan untuk ahli komunitinya.

Jelas di sini bahawa ibadah dijadikan sebagai kerangka pembangunan komuniti Islam Ban Nua. Sistem ibadah ini tidak menyebabkan ahli komuniti Islam Ban Nua terputus daripada kehidupan. Hal ini kerana ahli komuniti yang dibangunkan kerohaniannya, mereka tidak tinggal dalam dunia kerohanian semata-mata, tetapi mereka kembali ke dunia kebendaan untuk menyucikan dan membersihkannya. Dalam perkataan lain, mereka tidak menjadikan kejayaan, kesenangan dan kemewahan hidup di dunia sebagai matlamat akhir kehidupan. Bagi mereka matlamat akhir kehidupan adalah untuk mendapatkan reda Allah swt (*mardhatillah*).

Kedua, elemen khalifah. Ia berdasarkan firman Allah swt yang bermaksud:

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi”. Mereka bertanya (tentang hikmah ketetapan Tuhan itu dengan berkata): “Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), pada hal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan menyucikanMu?” Tuhan berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui perkara yang kamu tidak mengetahuinya.” (al-Baqarah, 2:30)

Dalam merealisasikan elemen khalifah ini, setiap ahli komuniti Islam Ban Nua diberi kefahaman tentang penugasan manusia sebagai khalifah yang merujuk kepada tanggungjawab atau beban tugas masing-masing dalam mengurus, mentadbir dan membangunkan muka bumi mengikut prinsip-prinsip Islam. Pertanggungjawaban ini merangkumi tanggungjawab terhadap diri sendiri, masyarakat dan terhadap Allah swt. Oleh sebab itu, setiap perkara yang dilakukan oleh ahli komuniti Islam Ban Nua tidak boleh hanya untuk kepentingan peribadi sahaja. Semua perkara yang dilakukan mestilah untuk kebersamaan komuniti Islam Ban Nua. Misalnya, melalui perkhidmatan *homestay*, 30 hingga 40 peratus daripada bayaran sewanya disumbangkan kepada tabung Masjid Ban Nua untuk kegunaan aktiviti kemasyarakatan. Selain itu, mereka juga secara bersama dapat bergotong-royong menyediakan makanan secara percuma khusus ketika menyambut ketibaan para pengunjung yang datang ke Ban Nua.

Ketiga, elemen imarah yang berdasarkan firman Allah swt yang bermaksud:

Dialah yang menjadikan kamu daripada bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya (Hud, 11:61).

Sebenarnya elemen imarah ini merupakan salah satu daripada fungsi manusia sebagai khalifah. Dalam konteks pembangunan komuniti Islam Ban Nua, mereka dikehendaki bersama-sama membangunkan Masjid Ban Nua, koperasi, Baitul Zakat, sekolah dan perkhidmatan *homestay*.

Ketiga-tiga elemen inilah yang dijadikan sebagai tasawur atau falsafah yang mencorakkan pembangunan komuniti Islam Ban Nua. Hal ini jelas membuktikan bahawa pembangunan komuniti Islam Ban Nua merupakan pembangunan akar-umbi.

5. ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan perbincangan sebelum ini didapati pembangunan komuniti Islam Ban Nua adalah beracukan tiga elemen berikut:

5.1 Ibadah

Peletakan *al-‘ubudiyah* (ibadah) sebagai perkaedahan pembangunan komuniti Islam Ban Nua ini adalah bersesuaian dengan janji manusia ketika di alam roh bahawa mereka adalah sebagai hamba Allah swt (al-A’raf, 7:172 dan al-Hadid, 57:8). Malah Allah swt sendiri menyatakan bahawa manusia diciptakan semata-mata untuk memperhambakan diri kepada-Nya (al-Zariyat, 51:56). Selain itu, terdapat banyak perintah supaya memperhambakan diri kepada Allah swt (al-Tawbah, 9:31; al-Zumar, 39:11; al-Bayyinah, 98:5; al-Najm, 53:62; dan al-Hajj, 22:77) dan larangan mensyirikkan-Nya (Ghafir, 40:66; al-Isra’, 17:23; Ali ‘Imran, 3:64; dan al-Baqarah, 2:83).

Sebagai hamba Allah swt, manusia mesti sentiasa mengabdikan diri atau lebih khusus lagi ialah beribadah kepada-Nya. Beribadah kepada Allah swt bererti memusatkan penyembahan kepada Allah swt semata-mata dengan menjalani dan mengatur segala aspek kehidupan di

dunia ini, zahir dan batin, jasmani dan rohani, sesuai dengan kehendak syariat, baik dalam kehidupan individu dengan Allah swt sebagai hamba-Nya mahupun dalam hubungan sesama manusia sebagai anggota masyarakat (Ibn Qayyim, t.t.: 485). Secara lebih jelas lagi, al-Qaradawiy (2006:37-38) menyatakan ibadah merupakan setiap perkara yang disyariatkan Allah swt dan mengikuti setiap perkara yang disampaikan oleh Rasulullah saw.

Ia meliputi segala perintah dan larangan serta merangkumi perkara yang diharamkan dan yang diharamkan. Demikian inilah perkara yang terkandung dalam unsur taat dan tunduk kepada Allah swt. Lebih mudah daripada itu ialah maksud ibadah yang dikemukakan oleh al-Rajhiy (1998:6) dan al-Asyqar (1999:260). Menurut mereka, ibadah itu adalah semua perkara yang disukai dan diredhai oleh Allah swt. Tidak kira sama ada perkara itu berbentuk perkataan atau amalan dan zahir atau batin.

Oleh itu, jelaslah bahawa ibadah itu mempunyai skop yang luas. Ia tidak hanya terhad kepada perkara-perkara ritual agama, tetapi juga merangkumi setiap aspek kehidupan manusia pada setiap ketika termasuk dalam melaksanakan Pembangunan Berteraskan Islam (PBI). Pelaksanaan PBI pula tidak mungkin menjadi ibadah kecuali mengikut kaedah-kaedah yang telah ditetapkan. Oleh sebab ibadah mempunyai perkaedahan-perkaedahan tertentu, maka sekaligus ibadah jugalah yang menjadi perkaedahan kepada PBI seperti juga kepada segala perbuatan manusia di atas muka bumi ini.

Menurut Muhammad Syukri Salleh (2002: 52 & 2003: 48-50), ibadah itu terbahagi kepada tiga bentuk iaitu ibadah asas, amalan-amalan utama (*fada'il al-a'mal*) dan ibadah umum. Ibadah asas ialah ibadah-ibadah yang wajib dilaksanakan oleh setiap manusia seperti solat, puasa, zakat, haji dan sebagainya. Amalan-amalan utama pula ialah amalan-amalan yang tidak wajib dilaksanakan tetapi sangat digalakkan oleh Islam seperti berzikir, membaca al-Qur'an dan bertasbih. Adapun ibadah umum ialah ibadah-ibadah yang lebih bersifat fardu kifayah seperti munakahat, muamalat, politik, perubatan, perundangan, pembangunan dan sebagainya.

Sebenarnya ibadah asas dan amalan utama membawa kepada pembangunan kerohanian, manakala ibadah umum pula membawa kepada pembangunan material dan fizikal. Dalam perkataan lain, pembangunan kerohanian merupakan kesan daripada pengamalan ibadah asas dan amalan utama, manakala pembangunan material dan fizikal merupakan kesan daripada pengamalan ibadah umum. Oleh sebab PBI merupakan gabungan antara pembangunan rohani/spiritual dan jasmani/fizikal, maka PBI sebenarnya merupakan kesan daripada pengamalan keseluruhan bentuk ibadah itu (Muhammad Syukri Salleh, 2002:53 & 2003:50).

Bagi memastikan setiap bentuk ibadah yang dilakukan itu diterima oleh Allah swt, begitu juga dengan pembangunan, ia mesti mengikut kaedah pelaksanaan dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah swt. Sekiranya kaedah dan peraturan-peraturan itu tidak diikuti, maka pembangunan berkenaan tidaklah dikira sebagai PBI.

Bagi ibadah asas dan amalan utama yang membawa kepada pembangunan kerohanian, ia tidak terlepas daripada tauhid, fiqh dan tasawuf (akhlak) yang merupakan ilmu-ilmu fardu ain. Dalam mengerjakan ibadah asas dan amalan utama ini, ketiga-tiga perkara ini mesti dilaksanakan secara sepadu (Muhammad Syukri Salleh, 2003:51). Rasa ketauhidan kepada Allah swt (al-Bayyinah, 98:5) diletakkan sebagai tunjang, manakala fiqh menggariskan peraturan-peraturannya dan tasawuf (akhlak) pula menimbulkan rasa kelazatan dalam beribadah serta menghayatinya.

Bagi ibadah umum yang membawa kepada pembangunan fizikal pula, Muhammad Syukri Salleh (2002: 54 & 2003: 51) menyatakan kaedahnya ditentukan oleh lima syarat. Usaha pembangunan yang dilakukan itu dikira sebagai ibadah apabila ia memenuhi kesemua syarat yang ditetapkan. Pertama, dilakukan dengan niat ikhlas kerana Allah swt dan dengan harapan

untuk mendapat keredhaan-Nya. Kedua, isi atau kandungan usaha dan tugas tidak melanggar syariat. Ketiga, pelaksanaannya mengikut syariat. Maksudnya, ia dilakukan selaras dengan prinsip-prinsip syariat dan akhlak Islam seperti amanah, adil, bertanggungjawab dan sebagainya. Selain itu, ia hendaklah menepati kaedah atau cara yang ditentukan oleh syarak seperti memulakan dengan membaca *basmalah* dan doa. Keempat, natijah atau hasilnya juga tidak bercanggah dengan syariat. Kelima, segala usaha dan tugas yang dilakukan itu tidak melalaikan mereka daripada menunaikan ibadah-ibadah asas atau disebut sebagai ibadah khusus.

Kesemua syarat yang dikemukakan oleh Muhammad Syukri Salleh (2002 & 2003) ini, dikemukakan juga oleh Surtahman Kastin Hasan dan Sanep Ahmad (2005). Cuma Surtahman Kastin Hasan dan Sanep Ahmad (2005:19-20) menambah satu syarat lagi iaitu berpaksikan akidah yang betul. Syarat ini pula diletakkan sebagai syarat yang pertama.

Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa terdapat enam syarat yang menentukan sama ada sesuatu usaha pembangunan itu dikira sebagai ibadah atau tidak. Pertama, berpaksikan akidah yang betul. Kedua, niat ikhlas kerana Allah swt. Ketiga, isi atau kandungan usaha dan tugas tidak melanggar syariat. Keempat, pelaksanaannya mengikut syariat. Kelima, natijah atau hasilnya juga tidak bercanggah dengan syariat. Keenam, segala usaha dan tugas yang dilakukan itu tidak melalaikan mereka daripada menunaikan ibadah-ibadah asas atau disebut sebagai ibadah khusus. Semua syarat yang ditetapkan ini adalah baik dari segi memenuhi tuntutan akidah, *fiqh* mahupun akhlak.

Kaedah-kaedah pelaksanaan setiap bentuk ibadah itu adalah ditunjangi oleh tauhid atau rasa bertuhankan Allah swt. Perkara-perkara lain yang terdapat dalam kaedah-kaedah pelaksanaan setiap bentuk ibadah itu semuanya bernaung di bawah konsep tauhid.

Berdasarkan keseluruhan perbincangan ini, didapati gabungan antara kaedah ibadah asas/khusus, amalan-amalan utama dan ibadah umum membentuk satu kaedah PBI. Jelas bahawa PBI itu berkaedahkan ibadah. Dengan itu maka pembangunan menjadi alat manusia mengabdikan diri kepada Allah swt. Hal ini sesuai dengan fungsi penciptaan manusia di atas muka bumi ini iaitu untuk beribadah kepadanya (al-Zariyat, 51:56).

Sebenarnya, ibadah itu merupakan perkaedahan PBI kerana manusia mesti sentiasa hidup dalam beribadah kepada Allah swt dalam setiap aspek kehidupan, pada setiap saat dan ketika. PBI pula adalah salah satu daripada aspek kehidupan manusia itu. Oleh itu, ia juga mesti dilaksanakan dengan menggunakan ibadah sebagai kaedahnyanya.

5.2 Khalifah

Manusia mempunyai unsur-unsur fizikal, roh, akal dan nafsu (Mustapha, 1986: 17). Ia berfungsi sebagai hamba Allah SWT (al-Zariyat, 51:56) dan khalifah di muka bumi (al-Baqarah, 2:30 & al-An'am, 6:165). Sebagai hamba, manusia dikehendaki menyembah Allah swt yang berkuasa mencipta dan memiliki seluruh alam ini, manakala sebagai khalifah pula, manusia ditugaskan untuk membangun, memakmur dan menguruskan sumber alam (Mustapha, 1986:17; Syed Mohd. Ghazali Wafa, *et al.*, 2005: 280). Gabungan kedua-dua fungsi utama penciptaan manusia ini merupakan hakikat bahawa manusia berfungsi sebagai pelaku PBI umumnya, dan menjadi pelaku pembangunan komuniti Islam Ban Nua, khususnya.

Menurut Muhammad Syukri Salleh (2003: 31), sebagai pelaku pembangunan, manusia mestilah mempertahankan status mereka sebagai hamba dan khalifah di muka bumi. Dalam hubungan menegaknya dengan Allah swt (*habl min Allah*), manusia adalah sebagai hamba Allah swt. Dalam hubungan mendatar iaitu hubungan manusia sesama manusia serta sumber alam (*habl min al-nas*), manusia adalah sebagai khalifah. Dengan itu, pelaku pembangunan

dipercayai tidak dilahirkan hanya untuk menjalankan fungsi yang stereotip dan sirkularistik seperti mengguna, membesar, belajar, bekerja, berkeluarga, reproduktif dan meninggal dunia.

Mereka juga tidak boleh dianggap hanya sebagai manusia pengeluar atau pengguna yang hanya mengambil kira kekuatan fizikal, akal, kemahiran dan segala perkara yang berbentuk lahir semata-mata. Segala aktiviti pengeluaran dan kepenggunaan hanyalah sebahagian daripada alat manusia untuk membuktikan pengabdianya kepada Allah swt yang telah ditetapkan sejak manusia berada di alam roh lagi (al-A'raf, 7:172 & al-Hadid, 57:8). Selain itu, ia juga sebagai alat untuk memenuhi keperluan hidupnya sebagai manusia biasa. Dalam apa jua aktiviti dan perbuatan mereka, status sebagai hamba dan khalifah Allah swt tidak boleh lekang darinya.

Sehubungan itu, dalam melaksanakan proses pembangunan, manusia tidak boleh terjerumus menjadi hamba pembangunan kerana pembangunan sebenarnya adalah untuk manusia, bukan manusia untuk pembangunan. Dengan itu barulah pelaku pembangunan (khalifah) benar-benar dapat menghasilkan pembangunan yang termasuk dalam kategori ibadah dan diredhai Allah swt.

5.3 Imarah

Elemen imarah yang menjadi salah satu daripada elemen tasawur pembangunan komuniti Islam Ban Nua ini adalah merupakan antara tugas dan tanggungjawab yang dibebankan ke atas seseorang khalifah iaitu berusaha memakmurkan muka bumi ini yang merangkumi manusia itu sendiri, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan seluruh makhluk ciptaan Allah swt yang lain (Hud, 11:61). Hal ini diperkuatkan lagi dengan sebuah Hadis Rasulullah saw yang bermaksud:

“Diriwayatkan daripada Abu Hurayrah r.a. bahawa Rasulullah saw bersabda: Ista'marakum bermaksud menjadikan kamu sebagai pemakmur (khalifah)”

(Riwayat al-Bukhariy, No. Hadith 4684, Ibn Hajar, 1989:449).

Selari dengan maksud ini ialah tafsiran al-Tabariy (1992:62) dan Ibn Kathir (1992:466) yang menyatakan manusia itu dijadikan daripada bahan-bahan bumi. Oleh itu, mereka ditugaskan untuk mendiami serta memakmurkannya. Semua ini bertepatan dengan makna khalifah yang mencerminkan sifat-sifat yang diwakilinya (Erbe Sentanu, 2007:19).

Menurut M. Quraish Shihab (2009:246), kekhalifahan itu mempunyai tiga unsur yang saling berkaitan. Pertama, manusia itu sebagai khalifah. Ia digambarkan dalam ungkapan-ungkapan *inni ja'il fi al-ard khalifah* (kami jadikan seorang khalifah di muka bumi) (al-Baqarah, 2:30) dan *inna ja'alnaka khalifah* (kami menjadikan kamu khalifah) (Sad, 38:26). Peranan manusia ini walaupun tidak dijelaskan secara tersurat dalam ayat Surah Hud (11:61), namun ia tetap dinyatakan secara tersirat. Hujahnya ialah manusialah yang ditugaskan memakmurkan muka bumi ini sebagaimana yang terdapat dalam ungkapan *wa ista'marakum fiha* (menghendaki kamu memakmurkan-nya). Kedua, alam semesta. Ia digambarkan menerusi ungkapan *fi al-ard* (bumi) (al-Baqarah, 2:30 & Sad, 38:26) dan *wa ista'marakum fiha* (Hud, 11:61). Ketiga, hubungan antara manusia dengan alam semesta dan segala isinya. Termasuk juga di sini ialah hubungan dengan manusia. Hal ini digambarkan dalam ungkapan *fa ahkum bayna al-nas* (berilah keputusan tentang sesuatu perkara di antara manusia) (Sad, 38:26) dan istilah *fiha* (di muka bumi) (Hud, 11:61). Hubungan ini walaupun tidak dinyatakan secara tersurat dalam ayat Surah al-Baqarah (2:30) sebelum ini, namun ia tetap dinyatakan secara tersirat. Hujahnya adalah tidak ada sebarang erti jika khalifah itu tidak disertai dengan penugasan atau *istikhlaf*.

Ketiga-tiga hubungan yang saling berhubung kait ini mempamerkan tugas dan tanggungjawab manusia sebagai khalifah. Mereka dikehendaki berusaha menegakkan hukum Allah swt di

atas muka bumi ini dengan adil dan saksama. Di samping itu, mereka juga ditugaskan sebagai pelaku pembangunan yang berusaha membangun dan memakmurkan bumi ini.

6. KESIMPULAN

Berdasarkan keseluruhan perbincangan dalam artikel ini didapati pembangunan komuniti Islam Ban Nua adalah berasaskan elemen ibadah, khalifah dan imarah. Hal ini membuktikan bahawa tasawur pembangunan komuniti Islam Ban Nua adalah menuruti acuan atau tasawur Islam itu sendiri. Ia jelas dibentuk daripada dalil-dalil *qat'i* iaitu al-Qur'an dan Hadith. Melalui elemen ibadah, jelas menggambarkan wujudnya hubungan manusia dengan Allah swt (*habl min Allah*) dalam pelaksanaan pembangunan komuniti Islam Ban Nua. Manakala melalui elemen khalifah dan imarah pula jelas menggambarkan wujudnya hubungan manusia sesama manusia serta sumber alam (*habl min al-nas*). Dengan ini bolehlah dikatakan bahawa pembangunan yang dilaksanakan oleh komuniti Islam Ban Nua itu ialah pembangunan berteraskan Islam.

BIBLIOGRAFI

- Al-Asyqar, 'Umar Sulayman. (1999). *Al-'Aqidah fi Allah*. Jordan: Dar al-Nafa'is.
- Al-Qaradāwiy, Yusuf. (2006). *Ibadah Dalam Islam (al-'Ibadah fi al-Islam)*, terj. Abu Asma Anshari & Nasruddin Abd. Rahman. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.
- Al-Rajhihiy, 'Abd al-'Aziz bin 'Abd Allah. (1998). *Syarh al-'Ubudiyyah li Syaykh Islam Ibn Taymiyyah*. Riyadh: Dar al-Fadilah.
- Al-Tabariy, Abi Ja'far Muhammad bin Jarir. (1992). *Tafsir al-Tabariy al-Musamma Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an*, Jld. 7. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ghazali Darusalam (2001). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ibn Hajar, Abi al-Fadl Ahmad bin 'Ali bin Muhammad bin Hajar al-'Asqalaniy. (1989). *Fath al-Bariy Syarh Sahih al-Bukhariy*, Jld. 8, Baz, 'Abd al-'Aziz bin 'Abd Allah & 'Abd al-Baqiy (Eds.), Muhammad Fu'ad. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Kathir, al-Hafiz Abi al-Fida' Isma'il. (1992). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, Jld. 2. Beirut, Lubnan: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (t.t.). *Madarij al-Salikin*, Jld. 3. Beirut, Lubnan: Dar al-Jil.
- M. Quraish Shihab (2009). *Membumikan Al-Qur'an: Fungsi dan Peranan Wahyu Dalam Kehidupan Masyarakat*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Mohd Hanif Hazahari (2012). *Pembiayaan Islam Dalam Koperasi Masjid: Kajian Kes di Koperasi Masjid Ban Nua, Thailand*. Disertasi Ijazah Sarjana Pengurusan Pembangunan Islam yang diserahkan kepada Bahagian Pengurusan Pembangunan Islam, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Muhammad Syukri Salleh (1999). "Realisation of Islamic Development: Between Top-Down and Bottom-Up Approaches", *IKIM Journal Vol. 7, No. 1*, Jan-Jun, hlm. 17-29.
- Muhammad Syukri Salleh (2002). *Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Muhammad Syukri Salleh (2003). *7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn. Bhd. dan Pulau Pinang: Projek Pengurusan Pembangunan Islam, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Syukri Salleh, Zakaria Bahari, Mohd Shukri Hanapi & Fadzila Azni Ahmad (2013). *Laporan Program Pemerkasaan Pembangunan Akar-Umbi: Kes Komuniti Ban Nua, Thailand*, 8-10 November 2013.
- Mustapha Hj. Mohd. Jar (1986). "Konsep Manusia Dari Perspektif Barat dan Islam", dlm. Wan Hashim & Mahayudin Haji Yahaya (Eds.), *Sains Sosial Dari Perspektif Islam*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Safae Zakaria & Mohd Zin Daud (2003). *Tasawwur Islam Tingkatan 5*. Kota Bharu, Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Surtahman Kastin Hasan & Sanep Ahmad (2005). *Ekonomi Islam, Dasar dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

- Syed Mohd. Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa, Hj. Muhammad Nasri Hj. Md Hussain & Mohd. Hizam Hanafiah, (2005). *Pengantar Perniagaan Islam*. Petaling Jaya, Selangor: Prentice Hall.
- Tabrani Lateh (2012). “Ucapan Perasmian dan Pengenalan Ban Nua” dalam *Program Kunjungan Akademik dan Silaturrahim ISDEV ke Ban Nua*, Hatyai, Thailand, 7-9 Disember 2012.
- Tabrani Lateh (2013). “Ucapan Perasmian dan Pengenalan Ban Nua” dalam *Program Kunjungan Akademik dan Silaturrahim ISDEV ke Ban Nua*, Hatyai, Thailand, 7-9 Disember 2012.
- Temu Bual bersama Tabrani Lateh (Dr.), Ketua Bahagian Akademik dan Hal Ehwal Luar Negeri, Majlis Agama Islam Songkla; Pengarah, Pejabat Syaikhul Islam dan Pusat Penyelarasan Hal Ehwal Islam Wilayah Selatan Thailand, serta Imam Besar, Masjid Ban Nua, di Masjid Ban Nua, Hatyai Thailand, pada 9 November 2013 (Sabtu), Pukul 8.30 malam.
- Wafdi Auni Mohamed (2012). *Dinamisme Pengagihan Zakat Produktif: Kajian Kes di Ban Nua, Thailand*. Disertasi Ijazah Sarjana Pengurusan Pembangunan Islam yang diserahkan kepada Bahagian Pengurusan Pembangunan Islam, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan.